

PENYATA Pengerusi

TINJAUAN MENYELURUH

Keteguhan jualan kereta penumpang Mercedes-Benz dan pengembalian semula pengiktirafan pendapatan dividen tahunan daripada Mercedes-Benz Malaysia ("MBM") telah membolehkan Kumpulan mencatatkan prestasi tahunan yang jauh lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya.

PRESTASI

Hasil Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 meningkat sebanyak 71% kepada RM1.6 bilion. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan unit jualan dan campuran jualan yang baik dan cenderung kepada kenderaan berharga tinggi, terutamanya model hibrid.

Peningkatan hasil dan margin yang bertambah baik telah membolehkan operasi Mercedes-Benz mencatat keuntungan bersih sebanyak RM40.9 juta berbanding RM10.3 juta pada tahun sebelumnya.

Pengembalian semula pengiktirafan dividen tahunan daripada pelaburan Kumpulan dalam MBM, sebuah usaha sama dengan Daimler AG menjadikan keuntungan bersih keseluruhan Kumpulan berjumlah RM52.1 juta. Dividen berjumlah RM11.2 juta telah diterima pada bulan Jun.

Peningkatan unit jualan Mercedes-Benz sebanyak 55% telah disokong oleh peningkatan jualan model hibrid. Bahagian selepas jualan juga menampilkan prestasi yang memuaskan.

Program jangka panjang Kumpulan untuk menaik taraf kemudahannya mengikut piawaian semasa Mercedes-Benz telah dimulakan pada tahun 2015 dan akan diteruskan sepanjang tahun 2016. Peringkat pertama kerja menaik taraf kemudahan di Petaling Jaya dan Georgetown akan siap pada suku pertama tahun 2016, sementara pembinaan Autohaus di Cheras, Kuala Lumpur pula dijangka akan siap pada bulan Mac 2016.

Lembaga Pengarah mencadangkan dividen akhir sebanyak 5 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 selepas selang dua tahun.

KAKITANGAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan atas dedikasi dan usaha gigih mereka dalam menyahut cabaran sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pada masa yang sama, saya juga ingin menyampaikan sekalung penghargaan kepada para pelanggan, pemegang saham dan rakan kongsi perniagaan kami atas sokongan mereka yang berterusan.

PROSPEK

Keadaan perdagangan sepanjang tahun 2016 dijangka kekal mencabar, sebahagian besarnya disebabkan oleh prospek ekonomi domestik dan global yang semakin lemah diikuti dengan penamatan pengeluaran model utama E-Class.

Alexander Newbigging

Pengerusi
22 Februari 2016